

SOALAN NO. : 41

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi mencegah dan mengawal kebakaran belukar gambut di daerah Dungun yang merekodkan pada tahap IPU yang sangat tidak sihat dalam bulan April 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui agensi-agensi yang bernaung di bawahnya telah mengambil beberapa langkah bagi mencegah kebakaran tanah gambut di Daerah Dungun, Terengganu daripada berulang.

Tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh JAS adalah mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas di mana JAS sedang melengkapkan siasatan bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab melakukan pembakaran bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Sek. 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Manakala bagi tindakan jangka panjang pula JAS telah melaksanakan tindakan seperti berikut:-

- i) Mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka mulai pada bulan Februari 2014;
- ii) Pemantauan ke atas kawasan-kawasan hutan dan belukar bagi mengelakkan kawasan tersebut dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan pembakaran terbuka; dan

iii) Melaksanakan Projek Pencegahan Pembakaran Di Tanah Gambut Mudah Terbakar di Daerah Dungun, Terengganu yang melibatkan pembinaan infrastruktur seperti sekatan saluran (check dam) dan telaga air tanah (tube well) sebagai langkah kawalan bagi mengekalkan paras air di tanah gambut dan sekali gus dapat mengurangkan kejadian kebakaran terbuka.

Sekian, terima kasih.